



GARIS PANDUAN PERMOHONAN **MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

A. Semua pemohon **WAJIB** mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Melengkapkan borang maklumat pendaftaran dengan mengimbas **QR Code** yang disediakan.
- ii) **Memuat turun dan mencetak borang permohonan** jawatan kosong dan dihantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan, MPPD seperti alamat di **para B (iv)**.

B. CARA MEMOHON

- i) **Permohonan untuk jawatan kosong** boleh dimuat turun selepas melengkapkan borang maklumat pendaftaran di **Google Form** dan **satu (1)** borang adalah terhad untuk **satu (1)** jawatan sahaja.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan daripada **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas)** seperti berikut:
 - a. gambar warna berukuran pasport;
 - b. kad pengenalan (*telah dipalang 'untuk kegunaan MPPD sahaja'*)
 - c. sijil kelahiran;
 - d. sijil berhenti sekolah;
 - e. sijil-sijil persekolahan/akademik;
 - f. sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang.
 - g. salinan pengiktirafan kelayakan IPTA/IPTS untuk perkhidmatan awam. (www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm)
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan Penilaian Prestasi melalui MyPERFORMANCE** bagi tiga (3) tahun terakhir (2023, 2024 dan 2025) - (perlu disahkan oleh Ketua Jabatan di setiap helaian).

- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
KM 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Khidmat Pengurusan)**

- C. TARIKH BUKA PERMOHONAN : 30 April 2026 (KHAMIS)
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 Mei 2026 (KHAMIS JAM 5.00 PETANG)**

Sebarang penghantaran borang selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

- D. PERMOHONAN SEPERTI BERIKUT AKAN DITOLAK :**

- i) Borang permohonan dan maklumat tidak lengkap atau tidak jelas;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah seperti para B(ii) dan (iii).
- iv) Tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.
- v) Tidak disertakan salinan pengiktirafan kelayakan IPTA/IPTS untuk perkhidmatan awam; (www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm)

- E. CATATAN AM (PENTING-SILA AMBIL PERHATIAN)**

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk **ujian kecergasan / ujian bertulis** dan temu duga melalui surat panggilan dan email.
- ii) **Ujian Kecergasan hanya untuk jawatan Pembantu Keselamatan KP1.**
- iii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iv) Pihak Majlis Perbandaran Port Dickson tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.